

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## TAHUN 2020, KPDNHEP KE ARAH LEBIH PRODUKTIF, INOVATIF SERTA LEBIH CEKAP DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

**PUTRAJAYA, 28 Januari 2020** – YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hari ini menyampaikan amanat tahun baru kepada warga kerja Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri turut merasmikan wajah baharu portal KPDNHEP. Portal sebagai gerbang utama kementerian sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa bagi menyediakan maklumat yang lebih komprehensif seiring dengan kriteria yang ditetapkan Sistem Pemantauan Laman Web dan Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan (SPLaSK).

*Interface* baharu portal KPDNHEP dilihat lebih mesra pengguna dengan reka bentuk yang lebih responsif serta lebih mudah dicapai untuk akses lokasi. Kerjasama daripada Bahagian Pengurusan Maklumat, Unit Komunikasi Korporat serta sokongan pengurus isi kandungan (*content manager*) daripada setiap bahagian menjadikan portal KPDNHEP ini sentiasa bersedia untuk memberikan maklumat yang terkini.

Memandangkan perkembangan sektor perdagangan pengedaran semakin dinamik seperti perkembangan e-dagang dan perubahan gaya hidup pengguna pada masa ini, kementerian berpandangan adalah wajar agar satu pindaan menyeluruh dibuat ke atas Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran sedia ada bagi mewujudkan GP 2020.

Sebanyak enam (6) cadangan pindaan substantif telah dilakukan seperti:

- (i) pengenalan format pusat pengedaran;
- (ii) pindaan keluasan lantai niaga;
- (iii) penetapan nisbah penggunaan tenaga kerja;
- (iv) penambahbaikan waktu operasi;
- (v) penghadan tempoh kelulusan; dan
- (vi) penambahbaikan format kedai serbaneka

-lagi-

Dengan pelancaran Garis Panduan Penyertaan Asing dalam Sektor Perdagangan Pengedaran 2020 (GP 2020) dapat merancakkan lagi sektor perdagangan pengedaran selain menggalakkan kemasukan pelaburan asing yang lebih berkualiti sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dalam negara.

KPDNHEP telah melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KPDNHEP 2019 – 2023 yang menyokong penuh semangat yang ada dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan telah diolah supaya lebih menjurus kepada isu-isu dan risiko yang lebih dekat dengan peranan dan fungsi utama (*core business*) Kementerian ini.

Tahun 2020 ini merupakan tahun untuk kementerian lebih fokus dalam menterjemahkan pelaksanaan 95 inisiatif OACP yang telah sepakati bersama, ke arah pencapaian KPDNHEP yang lebih produktif, inovatif serta lebih cekap dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan dan rakyat, di samping mempergiatkan lagi program kesedaran, hebahan, sesi perundingan dan sebagainya agar ia lebih difahami serta dihayati oleh setiap warga kerja KPDNHEP.

**###**

---